

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

-----  
Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6(17)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2018-2020)  
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 30 Januari 2019 (Rabu)  
**Masa** : 10.00 Pagi – 12.49 Tengahari  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran.

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 13 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Disember 2018 dan Januari 2019.

**3. PERUTUSAN Pengerusi**

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini, dalam Mesyuarat Majlis yang pertama bagi tahun 2019.

Beliau ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis

Bandaraya Petaling Jaya yang bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Mewakili pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Petaling Jaya, beliau akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dipraktikkan.

### 3.2 **MEMPERKASA DAYA KREATIVITI DAN INOVASI**

Perkembangan dan kemajuan sesebuah organisasi dalam mengurus dan mentadbir dilihat banyak bergantung kepada beberapa faktor antara lain seperti strategi, struktur dan budaya organisasi berkenaan. Strategi dalam konteks inovasi adalah mencari kaedah dan cara terbaik bagi mencapai matlamat organisasi.

Melaluinya juga, usaha memperkasa daya kreativiti dan inovasi boleh diterapkan dalam kalangan pekerja agar setiap pekerja berkemahiran dalam menjana idea-idea dan kaedah-kaedah baru yang bersesuaian dengan matlamat dan kehendak sesebuah organisasi. Majlis perlu ada 'batch marking' dengan PBT lain di Malaysia. Sekiranya terdapat PBT yang lebih baik daripada Petaling Jaya sebagai contohnya dari segi penguatkuasaan, kita perlu melawat untuk mendapatkan input bagi kebaikan.

#### 3.2.1 **PJ SMART CITY**

Bagi meningkatkan inovasi dan integriti dikalangan jabatan dan kakitangan MBPJ, beliau memaklumkan sebaik melangkah ke Ibu pejabat MBPJ, di sebelah kiri terdapat bangunan yang hampir siap iaitu bangunan PJ Smart Center. Bangunan ini dijangka akan beroperasi pada suku tahun 2019 berdasarkan lawatan beliau bersama TDB dan TSU bagi melihat kerja-kerja akhir yang dilakukan semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa MBPJ merupakan PBT pertama yang mempunyai bangunan PJ Smart Center. Idea membina bangunan Smart Center ini timbul ekoran inisiatif

Kerajaan Selangor yang melancarkan Smart Selangor semasa pemerintahan YAB. Dato Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor dan diteruskan oleh Menteri Besar yang baru iaitu YAB Tuan Amirudin bin Shari. Beliau berharap inisiatif ini akan membuahkan hasil dan pihak majlis, Ahli Majlis, wakil rakyat dapat melihat apa yang akan berlaku di Petaling Jaya. Kerjasama daripada semua pegawai amat penting bagi kejayaan pelaksanaan Smart City. Lebih kurang 20 dash board akan dilaksanakan yang meliputi keseluruhan bandar ini. PJ Smart Center dapat mengesan maklumat awal berkaitan banjir akibat hujan lebat atau kesan daripada pembangunan yang diluluskan diperingkat OSC.

Pada masa sekarang, inisiatif dan sumbangan daripada pegawai-pegawai adalah amat penting bagi kemasukan data di dalam dash board atau PJ Smart City. Data ini amat penting dan memainkan peranan semasa analisa dibuat berkaitan pembangunan, infra, penguatkuasaan dan lain-lain. Sekiranya data yang dimasukkan adalah terkini maka data yang disalurkan adalah terkini dan begitu juga sebaliknya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha serta Ketua jabatan serta kakitangan Jabatan Perancangan Bandar dan lain-lain jabatan yang terlibat. Tanpa usaha gigih Majlis tidak dapat merealisasikan pembinaan 'PJ Smart Center'. Dimaklumkan juga Mini Smart Center telah siap dibangunkan di Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Penguatkuasaan dan Unit Aduan.

Beliau turut memaklumkan buat pertama kali apabila Kerajaan Pakatan Harapan memerintah, YB. Puan hajah Zuraida binti Kamaruddin telah mewujudkan 'WhatsApp Group' yang melibatkan seluruh PBT di Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Selain maklumat daripada 'WhatsApp Group', PBT mendapat maklumat berkaitan perkara yang berlaku di Petaling Jaya melalui Malaysia Kini, Berita dan sebagainya. Memandangkan PJ Smart Center belum siap sepenuhnya, permintaan daripada PBT untuk melawat PJ Smart Center tidak dapat dipenuhi buat masa sekarang.

'Smart City' bukanlah perkara baru terutama di Negara-negara Eropah. Beliau menyatakan telah diberi taklimat oleh Walikota Bandung iaitu Pak Ridwan Kamil sewaktu menandatangani MOU bersama pada tahun 2016. Baru-baru ini, beliau berkesempatan

melawat pejabat Gabenor Jawa Barat dan diberi taklimat oleh Pak Redwan sebagai Gabenor Jawa Barat ketika ini. Pak Ridwan Kamil bercadang untuk membangunkan `Smart City` di 27 PBT dengan jumlah penduduk lebih kurang 40 juta orang.

Sehubungan dengan itu, beliau amat berharap pelaksanaan `Smart City` dapat dibuat di seluruh PBT Selangor bagi meningkatkan lagi pembangunan di Selangor serta mempercepatkan pencapaian maklumat.

### **3.3 MESYUARAT BERSAMA ADUN DAN WAKIL RAKYAT**

Beliau memaklumkan bahawa pada tahun 2019, MBPJ akan membuat perjumpaan bukan sahaja dengan penduduk akan tetapi dengan wakil rakyat dengan mengadakan mesyuarat secara berkala. Mesyuarat ini akan diadakan lebih kerap dan bukan sebulan sekali dengan berminit. Urusetia bagi mesyuarat ini adalah Unit Komunikasi Korporat dan akan diadakan selepas sambutan Tahun Baru Cina. Cadangan mesyuarat pertama yang akan diadakan adalah pada bulan Mac atau April 2019.

Petaling Jaya lebih `kehadapan` memandangkan wakil rakyat yang dilantik adalah aktif dan sentiasa hadir ke mesyuarat atau sentiasa berdamping dengan Ahli Majlis dan pegawai majlis. Beliau berharap agar isu yang akan dibincangkan semasa mesyuarat bersama wakil rakyat adalah isu-isu yang baru dan bukan isu yang telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Beliau turut berharap agar wakil rakyat sendiri hadir ke mesyuarat tersebut atau menghantar wakil yang berpengalaman dan tahu isu yang akan dibangkitkan.

Dengan adanya kekerapan mesyuarat bersama wakil rakyat, maka perkhidmatan kepada penduduk akan dapat ditingkatkan dan isu-isu yang ditimbulkan oleh penduduk dapat diutarakan serta diselesaikan dengan lebih cepat.

### **3.4 PENUTUPAN JAMBATAN BESI SEDIADA YANG MERENTASI SUNGAI PENCHALA DI PJS 5**

Beliau memaklumkan bahawa jambatan besi yang merentasi sungai penchala, di bina oleh pihak LITRAK semasa pembinaan Lebuhraya Pantai Baru (NPE) beberapa tahun yang lepas. Pihak NPE bercadang untuk merobohkan jambatan besi ini di atas alasan strukturnya yang

tidak selamat dan telah mula berkarat. Akan tetapi niat pihak LITRAK tertangguh atas permintaan penduduk setempat yang menggunakan jejantas tersebut terutama untuk menghantar anak ke sekolah.

Pada tahun 2012, majlis juga telah mula mensyaratkan kepada pemaju Tetuan Masteron Sdn. Bhd. berkongsi kos dengan Tetuan Team Work Sdn. Bhd. supaya membina jejantas baru.

Pada tahun 2015, majlis telah mula mensyaratkan kesemua pemaju yang menjalankan pembangunan sekitar PJS dengan radius 3km untuk mencarum pembinaan jambatan dan setakat ini, kutipan yang telah terkumpul ialah RM 2.66 juta dimana kos pembinaan jambatan ialah RM 3.8 juta (berdasar anggaran kos perunding yang dilantik oleh majlis).

Majlis akan menutup jambatan besi ini dengan kadar segera iaitu selepas Mesyuarat Majlis ini bersidang memandangkan keadaannya yang tidak selamat dan juga terdapat railing yang telah hilang.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap kerjasama daripada Ahli Majlis serta wakil rakyat untuk memaklumkan kepada penduduk yang membantah penutupan jambatan ini bagi memberi laluan kepada pembinaan jambatan besi yang baru.

### 3.5 **PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ)**

Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya yang berkonsepkan penglibatan awam/komuniti "*public engagement*" adalah merupakan inisiatif Majlis ke arah menangani isu-isu keselamatan setempat serta melestarikan kehidupan penduduk di Petaling Jaya.

Program PKKPJ telah memberikan impak pelaksanaan yang baik seiring dengan Pelan Induk Keselamatan PJ yang mempunyai empat fokus utama iaitu keselamatan persekitaran, keselamatan infrastruktur, keselamatan digital dan pengurusan penguatkuasaan/keselamatan. Pada tahun 2018, Majlis telah memberi sumbangan peruntukan RM 6,000.00 kepada 170 permohonan Pasukan Keselamatan yang terbahagi kepada 102 Persatuan Penduduk (RA), 43 Rukun Tetangga (RT) dan 25 Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Di samping itu, Majlis juga telah memberikan bayaran tambahan insentif khas (*one-off*) sebanyak RM1,000.00 kepada 150 RA, RT dan JMB yang terpilih sebagai imbuhan dan keprihatinan Majlis bagi memastikan RA,

RT dan JMB terus aktif dan komited melaksanakan program rondaan dan aktiviti keselamatan komuniti setempat.

Bagi memantapkan usaha dan pelaksanaan program PKKPJ yang lebih baik, dengan memenuhi 17 *Sustainable Development Goals* (SDG) yang menjadi teras ke arah mencapai Petaling Jaya *Sustainable 2030*, pihak Majlis telah memperuntukkan RM 1.3 juta bagi tahun 2019 untuk diberikan sumbangan kepada RA, RT dan JMB yang layak serta memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, Majlis dengan ini mempelawa semua RA, RT dan JMB di kawasan pentadbiran Petaling Jaya yang layak dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan untuk membuat permohonan peruntukan bagi tahun 2019 secara atas talian melalui portal PKKPJ di pautan <http://pkkpj.mbpj.gov.my> mulai 31 Januari 2019 sehingga 28 Februari 2019. Pihak RA, RT dan JMB boleh melayari laman sesawang Majlis di <http://www.mbpj.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan manual penggunaan Portal PKKPJ ini.

Penggunaan portal PKKPJ ini telah bermula pada tahun 2018 dan telah ditambah baik pada tahun 2019 untuk memastikan semua proses permohonan, pengesahan Ahli Majlis, sokongan pihak PDRM ini dibuat sepenuhnya secara atas talian tanpa menggunakan borang (paperless) termasuklah pelaporan program oleh pihak RA, RT dan JMB.

### 3.6 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

#### 3.6.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 3 adalah sejumlah 369 kes denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 214 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 126 kes. Tiada kes kematian dilaporkan setakat ini. Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling pada tahun 2019.

Berikut adalah lokaliti wabak terkini yang dilaporkan. Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan sehingga 24/1/2019:

- 1) Prima Damansara PJU 10 (Rumah Kedai :Jalan PJU 10/9)
- 2) Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok A, B, C)
- 3) Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok D, E, F)
- 4) SS 2 (1)

- 5) SS 2 (2)
- 6) SS 3 Teres C
- 7) PJS 10 (Teres A : Jalan PJS 10/1, 10/3, 10/5-10/8, 10/10)
- 8) Flat Desa Mentari PJS 5 (Blok 7 & 8)
- 9) Flat Desa Ria PJS 5
- 10) Flat Desa Mentari PJS 6 (Blok 1, 2, 3)
- 11) Mentari Court PJS 8
- 12) APT Medan Cahaya PJS (Blok A-H)
- 13) Taman Medan PJS 2C (Teres D :Jalan PJS 2C/11, 2C/28, 2C/2)
- 14) Flat Desa Mentari PJS 2D (Blok 11)
- 15) APT Suria PJS 3
- 16) Flat Desa Perangsang PJS 3 (Blok A & B)
- 17) Flat Desa Perangsang PJS 3 (Blok C & D)
- 18) Taman Medan Baru (Teres D :Jalan Medan 16,18,19,20,21,22,23,24)

### 3.6.2 PROGRAM SEDAR

Sejak tahun 2014, sebanyak 238 pasukan SEDAR telah ditubuhkan sehingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 5 pasukan SEDAR komuniti dan 2 SEDAR di Surau Al-Husna, Jalan Medan 23 dan Surau As-Salam Seksyen 14 PJU 5 telah ditubuhkan sehingga minggu Epid 3/2019.

### 3.7 SAMBUTAN TAHUN BARU CINA DAN CAP GOH MEI 2019

Untuk meraikan Ahli Majlis dan kakitangan MBPJ yang berketurunan Tionghua, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan majlis sambutan Tahun Baru Cina 2019 (terhad untuk kakitangan Majlis sahaja) yang akan diadakan pada 15 Februari 2019 di Dewan Banquet, MBPJ. Sambutan akan bermula pada pukul 3.00 petang. Semua Ahli Majlis dan kakitangan MBPJ dijemput hadir.

Seterusnya pada 19 Februari 2019 di Taman Jaya, Seksyen 10, Petaling Jaya akan diadakan sambutan Cap Goh Mei 2019. Sambutan akan bermula pada jam 8.00 malam dan ia adalah terbuka kepada seluruh penduduk Petaling Jaya dan kakitangan MBPJ.

Beliau memohon Ahli-ahli Majlis MBPJ untuk menghebahkan sambutan Cap Goh Mei ini kepada seluruh penduduk dalam kawasan pentadbiran masing-masing untuk bersama-sama hadir memeriahkan perayaan ini.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 6 TAHUN 2018 (PENGGAL 2018/2020).**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 6 Tahun 2018 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 21 Disember 2018 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2018 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 DISEMBER 2018.**

- Tiada

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 3 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 JLD. 5 (57))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBPJ.**

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 19 DISEMBER 2018, 8 JANUARI 2019 DAN 18 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (69))  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (71))  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (73))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.**



6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 8 JANUARI 2019 DAN 22 JANUARI 2019.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (24))  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (26))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 14 JANUARI 2019.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (77))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Sumber Manusia, MBPJ.**

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 14 JANUARI 2019.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (42))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan dan tambahan minit seperti berikut:-

Tambahan minit bagi Perkara 7.1 i.

Encik Thalayan a/l Krishnasamy memohon agar peruntukan ini dipanjangkan kepada program komuniti dan kreativiti oleh pelajar sekolah.

Tambahan bagi perkara 7.5 i.

Beliau turut memohon agar dasar dan prosedur penanaman pokok diedarkan kepada Ahli Majlis.

Tambahan bagi perkara 7.5 ii.

Encik Leong Chee Cheng Beliau turut memaklumkan tapak permainan di Taman Megah Mas dan Bukit Mayang Mas yang menggunakan simen dan bukannya `rubbermat`.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

#### 6.5.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan perkara berikut:-

a) Bagi isu pembersihan longkang depan rumah yang ditutup (perkara iii di muka surat 12)

- i) Encik Derek John Fernandez menyambut baik keputusan untuk memecahkan longkang yang disambung secara haram. Beliau turut memohon penjelasan tindakan pembersihan yang dibuat ke atas longkang Majlis, cara pengurusan pembersihan longkang serta adakah program pembersihan tersebut dimasukkan ke dalam skop kerja kontraktor.
- ii) Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam memaklumkan bahawa beliau mengambil pendekatan dengan melibatkan persatuan penduduk di Bandar Utama. Persatuan penduduk memberi nasihat kepada penduduk yang membuat kerja-kerja pengubahsuaian agar binaan tidak masuk ke dalam longkang. Selain daripada itu, penggunaan jet air turut digunakan untuk membersihkan longkang yang tersumbat dengan bahan binaan.

Manakala di PJS, beliau memaklumkan telah bekerjasama dengan Jabatan Kejuruteraan bagi proses pembersihan longkang semasa projek menaiktaraf longkang dibuat.

Bagi isu penjaja yang berniaga di atas longkang pula, program pembersihan akan dibuat mengikut perayaan memandangkan kerja-kerja pembersihan berkala tidak dapat dilakukan.

Beliau turut memaklumkan bahawa pemantauan program pembersihan di longkang telah dimasukkan di dalam skop kerja kontraktor pembersihan.

- iii) Selain daripada itu, Encik Derek John Fernandez mengemukakan pertanyaan berkaitan air kotor dan berbau di tasik apakah dasar yang kita gunakan dan

bagaimana keadaan pengawalan air busuk sama ada berkesan atau tidak.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

- b) Bagi isu makluman penanaman dan penebangan pokok (perkara 7.5.1 di muka surat 13)

YBhg. Datuk Pengerusi meminta agar Pengarah Jabatan Landskap memaklumkan prosedur dan dasar penanaman dan penebangan pokok yang telah diluluskan serta laporan bergambar kepada Ahli Majlis dan wakil rakyat. Pamflet berkaitan perkara tersebut juga perlu diedarkan di samping paparan di dalam laman web MBPJ.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

- c) Bagi isu tapak permainan menggunakan simen dan bukannya 'rubbermat' (perkara 7.5.1 ii di muka surat 13)

Pengarah Jabatan Landskap memaklumkan kemungkinan tempat tersebut belum siap sepenuhnya atau terdapat vandalisme atau tidak digunakan. Sekiranya tapak permainan tersebut tidak digunakan, jabatan mengambil pendekatan untuk tidak memasang 'rubbermat' kerana ianya akan berlumut dan mengelakkan pembaziran. Walaubagaimanapun beliau akan membuat siasatan terhadap perkara tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

- d) Bagi isu lori najis di SS 2A (perkara 7.5 iii di muka surat 13) Puan Rahibah binti Che Omar memohon status ke atas isu ini.

Pengarah Jabatan Sisa Pepejal memaklumkan bahawa perkara ini dibangkitkan dan direkodkan oleh penduduk. Di atas nasihat Majlis, penduduk telah membuat laporan polis untuk menangkap orang awam yang membuang najis di tepi jalan. Jabatan Penguatkuasaan pula akan membawa kes ini ke mahkamah kerana pengusaha sama yang telah dikeluarkan notis menyimpan lori tangki najis di SS 22A. Tindakan sitaan juga akan dibuat berdasarkan keadaan semasa untuk tindakan mahkamah.

Encik Derek John Fernandez mencadangkan bagi tindakan sitaan ke mahkamah, perkara ini dimaklumkan kepada majistret untuk akujanji sekiranya dilepaskan dengan kompaun dan deposit agar perkara ini tidak akan berulang semula.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Sisa Pepejal, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15  
JANUARI 2019.**

**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (7))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan dan pindaan minit seperti berikut:-

Tambahan minit bagi perkara 4.2.4 perenggan 4 di muka surat 9 iaitu:-

...pemantauan kemajuan kerja-kerja di tapak dan pengurusan trafik diperbaiki dan dilaksanakan sekerap yang mungkin. YBhg. Datuk Bandar meminta agar Ahli Majlis dijemput di dalam mesyuarat pemantauan projek tersebut.

Tambahan minit bagi perkara 7.9 i) perenggan 5 di muka surat 20

..menjalankan satu kajian oleh Jawatankuasa Kewangan untuk menaikkan kadar harga bayaran petak letak kereta di kawasan Majlis, terutama di kawasan komersial.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.6.2 Bagi perkara 5.5 di muka surat 12 berkaitan peruntukan MARRIS, Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa sebanyak 17.4 juta telah diperuntukan kepada ADUN. Sehubungan dengan itu, beliau memohon agar ADUN dapat mengemukakan senarai jalan bagi tujuan pembaikan. Sebagai inisiatif, Jabatan Kejuruteraan akan mengeluarkan email pengesahan kepada ADUN untuk mengesahkan jalan-jalan di bawah pemantauan sebagaimana yang telah dikemukakan terdahulu.

YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan bahawa beliau mendapat aduan daripada penduduk yang memaklumkan bahawa Majlis menurap jalan yang elok. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar penurapan jalan dibuat ke atas jalan yang rosak sahaja.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (12))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.1.2 di muka surat 15 iaitu:-

**7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH AHLI MAJLIS ZON 20.**

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (39))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 17 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (38))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (9))**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 6.9.2 di muka surat 171

YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan supaya pihak PKNS menyediakan maklumat...

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

6.10.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan pertanyaan oleh Encik Farhan Haziq berapa lamakah kes Lembaga Rayuan ke atas permohonan Pusat Jagaan Acton Day Care Centre tersebut akan selesai. Pengarah Unit Perundangan memaklumkan bahawa anggaran kes selesai diantara 6-9 bulan.

**6.11 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 22 JANUARI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (48))**

6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**7. UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON**

Beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah dan kakitangan Jabatan Perancangan Pembangunan yang berjaya memaparkan PJ Smart City Dashboard di jabatan sebagai bahan rujukan serta pelan tindakan majlis bagi mencapai `Sustainable

Development Goals (SDGs) Towards A Smart, Sustainable and Resilient' PJ 2030.

Sebagaimana yang kita maklum, SDGs merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh ketua-ketua Negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDG merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya Millineum Development Goals (MDGs) pada tahun 2015.

Bagi meneruskan agenda 2030 terdapat 17 SDGs yang merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar. 17 SDGs ini juga berkaitan mengintegrasikan dan mengimbangi tiga dimensi pembangunan mampan dalam pelaksanaannya di peringkat PBT.

Pada konvensyen pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan yang julung kalinya diadakan pada 10 dan 11 Disember yang lalu, telah mencatatkan kehadiran yang membanggakan iaitu seramai 3000 orang. Di antara topik yang dibincangkan adalah lebih menjurus kepada isu-isu cabaran semasa dan cadangan strategi di dalam melaksanakan agenda PBT seperti Sustainable Development Goals (SDGs) dan New Urban Agenda.

Sebagai Ahli Majlis, beliau sangat menyokong program terutama di dalam mengangkat aspek-aspek khusus PBT di dalam konteks pemberdayaan komuniti, pemerksaan Ahli Majlis PBT, peningkatan hasil, good governance, penglibatan wanita dalam PBT dan sebagainya.

Diantara 17 SDGs ini, perkara ke 5 di dalam SDGs iaitu 'Gender Equality' menjadi perkara yang akan dibangkitkan oleh beliau pada pagi ini.

- a) 'Gender Equality' di dalam PJ Smart City Dashboard adalah 'Woman Empowring Program' (mencari kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan).

Peranan dan tindakan PBT :-

- i) Bertindak sebagai model untuk kesaksamaan jantina dan pemberdayaan wanita melalui penyediaan perkhidmatan tanpa diskriminasi kepada warganya. PBT berada di barisan hadapan untuk mengenalpasti dan menangani keganasan dan amalan berbahaya terhadap wanita.

- ii) Kerajaan tempatan boleh mengetengahkan kesamaan jantina di semua organisasi di bawahnya dan peranan wanita di dalam pembangunan di kawasan PBT.
- b) `Gender Equality` ini juga menjelaskan 30% penglibatan di dalam membuat keputusan. Beliau juga bangga dan kita semua perlu berbangga memandangkan di MBPJ mempunyai seramai 1964 orang kakitangan di mana 627 orang daripadanya adalah wanita. Daripada 18 jabatan di MBPJ, 12 orang adalah Pengarah Wanita. Manakala daripada 25 orang Ahli Majlis, 7 orang daripadanya adalah wanita.

Bagi memperkasakan dan memberdayakan wanita, sebagai wakil sahabat Ahli Majlis wanita, beliau mencadangkan agar:-

- a) MBPJ mengadakan satu program dan budaya baru bagi hala tuju wanita iaitu Sambutan International Women Day” peringkat MBPJ dengan bertemakan `Balance for Better”. Tujuan diadakan program ini adalah untuk menyantuni wanita seramai yang mungkin sehingga boleh direkodkan di dalam `Book of Record’. Cadangan pengisian aktiviti seperti memberi pelbagai anugerah kepada wanita hebat dan `superwomen’ di MBPJ. Selain itu memberi laluan forum dan platform kepada badan-badan agensi kerajaan untuk menerangkan hak-hak asasi wanita dalam membendung kes keganasan rumah tangga, gangguan seksual, penderaan terhadap kanak-kanak dan membuka bilik pameran serta pemeriksaan kesihatan.

Beliau juga menyeru kepada pihak MBPJ untuk menubuhkan jawatankuasa bagi menyelaraskan program IWD ini dengan segera dan melibatkan kumpulan HEWA, PUSPANITA, ANULAE, MBPJ dan agensi kerajaan. Program ini juga perlu melibatkan kehadiran Menteri KPKT, Timbalan Perdana Menteri, ADUN dan Ahli Parlimen, NGO dan komuniti semasa IWD diadakan.

Demi kearah budaya komuniti yang lebih maju dan berdaya saing, program `International Women Day’ dijadikan program tahunan di dalam kalender MBPJ dan mengekalkan pengisian yang beliau sebutkan tadi.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau juga memohon agar pihak lelaki jangan berkecil hati, memperkasa wanita bukan untuk menyaingi lelaki tetapi untuk turut sama membangun generasi.



## 7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN QURATULAIN ATIQAH BINTI NORZAHIRUL ANUAR

Beliau mengucapkan selamat tahun baru 2019 buat semua ahli-ahli mesyuarat dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Semoga tahun ini akan menjadi tahun yang lebih baik dan lebih cemerlang buat kita semua.

### 7.2.1 Perkhidmatan oleh kontraktor-kontraktor majlis.

Sebagai antara Ahli Majlis muda yang baru dilantik bagi penggal kali ini, beliau ingin melahirkan rasa terima kasih kepada semua warga MBPJ atas kesudian mereka dalam memberi tunjuk ajar dan kerjasama yang terbaik sepanjang tempoh ini. Beliau juga berterima kasih kepada pengawas-pengawas kawasan dari setiap Jabatan yang ditugaskan untuk menjaga Zon 5 atas khidmat cemerlang dan dedikasi mereka dalam menjalankan tanggungjawab. Namun yang demikian, dalam pada masa yang sama, masih terdapat isu-isu yang perlu diambil perhatian.

Beliau mengambil maklum, setiap kerja-kerja rutin mempunyai jadual tersendiri. Sebagai contoh, pemotongan rumput dijadualkan sekali dalam masa dua minggu. Tidak dinafikan kontraktor datang ke kawasan untuk memotong rumput, tetapi maklum balas daripada penduduk amat mengecewakan. Sebagai contohnya kontraktor datang memotong rumput, tetapi bungkusan sampah potongan rumput seringkali terbiar di taman-taman atau padang-padang untuk satu tempoh sehingga kontraktor lain yang melakukan rutin kutipan sampah kebun datang untuk memungut bungkusan tersebut, sedangkan longgokkan ini semakin bertambah dan meninggi. Lebih teruk apabila ada penduduk-penduduk yang tidak bertanggungjawab menganggap bahawa mereka juga boleh melambakkan sampah mereka di longgokkan sampah kebun ini yang mana sampah ini tidak akan dikutip kerana bukan dalam kategori sampah kebun. Justeru, pada hemat beliau, adalah lebih baik sekiranya rutin dan jadual pemotongan rumput ini dapat diselarikan dengan jadual kutipan sampah kebun supaya boleh dikutip terus dan bukanlah dibiarkan untuk satu tempoh yang lama.

Beliau juga berharap supaya kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor majlis seperti kutipan sampah domestik, kutipan sampah kebun, pemotongan rumput, kerja-kerja

menyapu, cantasan pokok, pembersihan longkang-longkang dan padang-padang dikawal selia dengan ketat supaya kontraktor-kontraktor menjalankan tugas mengikut SOP yang disediakan oleh pihak majlis. Sekiranya perlu, sediakan satu inventori semakan tugas-tugas yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor ini. Tugas-tugas hanya boleh diambil kira sebagai sempurna sekiranya rumput dipotong mengikut SOP, pokok dicantas mengikut garis panduan, dan longkang kawasan rumah dibersihkan dengan sepenuhnya dan bukanlah dibersihkan sebahagian sahaja, atau lebih mengecewakan, dibersihkan selepas menerima aduan daripada penduduk. Kerja-kerja rutin seperti ini mesti dilakukan mengikut jadual dengan sempurna dan bukanlah hanya dilakukan selepas menerima aduan daripada penduduk. Adalah sesuatu yang memalukan apabila penduduk perlu sentiasa bertanya dan mengingatkan kita dan lebih memalukan sekiranya ia berlaku dengan kerap.

Beliau berpendapat kita perlulah bersikap tegas terhadap kontraktor-kontraktor supaya mereka menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Beliau yakin, kita semua mempunyai satu matlamat yang sama supaya Petaling Jaya menjadi satu kawasan yang selesa dan selamat. Namun, dalam kita mengejar impian untuk menjadi bandaraya yang maju, janganlah kita mengabaikan tanggungjawab asas kepada penduduk PJ dan ianya mestilah dimulakan dengan perkhidmatan yang baik dan cemerlang.

#### 7.2.2 Cadangan-cadangan berkaitan penyelesaian masalah parkir di Damansara Uptown dan kawasan-kawasan komersil lain yang padat dan kritikal.

Sebelum itu, beliau berterima kasih kepada Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan kakitangan beliau yang sentiasa berdedikasi dalam mencari penyelesaian kepada isu ini. Operasi dan tindakan yang diambil ke atas pemilik-pemilik kedai yang mendominasi petak parkir 24 jam/ sehari, pada setiap hari sedikit sebanyak memberi kesan kepada mereka. Meskipun bukanlah penyelesaian jangka masa panjang, tetapi beliau menerima maklum balas positif daripada orang awam dan penduduk sekeliling. Sebagai tambahan, mungkin sekiranya sesuai, kita boleh menyediakan papan tanda khas daripada pihak majlis sendiri untuk digunakan oleh pemilik-pemilik premis ke atas petak parkir yang mereka. Makna kata, mereka hanya boleh

menggunakan dan menayangkan papan tanda yang disediakan oleh pihak majlis sahaja yang mana papan tanda ini dilengkapi maklumat masa dan hari yang dibenarkan untuk sewaan petak parkir oleh premis-premis iaitu pada hari Isnin – Jumaat (8 pagi – 6.30 petang). Beliau juga suka untuk menyatakan bahawa beliau bersetuju dengan cadangan En Thayalan a/l Krishnasamy di dalam mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas pada 15.1.2019 yang lalu, supaya kita mengkaji pelaksanaan kadar had masa parkir kenderaan di kawasan komersil ini. Ini adalah penting untuk mengelakkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan memarkir kereta dalam tempoh yang panjang. Beliau setuju, isu parkir di Kawasan komersil yang padat dan kritikal ini adalah isu yang amat sukar untuk mencapai penyelesaian yang efektif. Walaupun terdapat bangunan-bangunan di sekeliling kawasan komersil ini telah menyediakan ruangan parkir bertingkat, orang ramai masih berdegil dan memilih untuk memarkir kereta secara berlapis-lapis yang akhirnya mengakibatkan lebih banyak masalah di kawasan sekitar. Justeru, kajian mendalam berkenaan cadangan pelaksanaan had masa di parkir kawasan komersil yang padat dan kritikal amatlah dihargai. Mungkin kawasan komersil Uptown Damansara boleh dijadikan ‘pilot project’ dan pelaksanaannya boleh dijadikan contoh kepada kawasan-kawasan komersil yang lain.

### 7.2.3 Pemerksaan dan pemberdayaan kaum wanita di Petaling Jaya.


Sebagai seorang anak muda yang terlibat aktif dalam politik, NGO dan aktiviti-aktiviti luar yang lain, beliau amat berharap supaya wanita-wanita tidak kira usia dalam kawasan PBT Petaling Jaya ini dapat diperkasakan semaksimumnya. Kita berbangga dengan pelantikan YB Dr Sri Wan Azizah sebagai Timbalan Perdana Menteri Wanita pertama dan juga pelantikan Menteri-menteri wanita yang lain seperti YB. Puan Yeo Bee Yin, YB. Puan Hannah Yeoh, YB. Puan Zuraidah Kamaruddin dan para pemimpin wanita yang lain, termasuklah barisan pemimpin wanita di MBPJ. Namun, suka untuk beliau ingatkan pemerksaan wanita ini bukanlah semata-mata untuk melahirkan pemimpin di peringkat tertinggi sahaja, tetapi juga pemerksaan setiap wanita secara individual supaya mereka lebih peka dan cakna dengan keadaan semasa. Ini termasuklah wanita dalam kalangan peringkat awal remaja, remaja, wanita belia sehinggalah kepada warga emas supaya mereka tahu dan faham peranan mereka sebagai individu, dan, tahu dan faham hak

mereka. Justeru, sebagaimana yang dicadangkan oleh Puan Ermeemariana binti Saadon yang juga merupakan pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (HEWA), beliau bersetuju sekiranya kita membawa sedikit kelainan bagi sambutan Hari Wanita di peringkat Petaling Jaya pada tahun ini yang bertemakan `Balance for Better`, yang disertakan dengan pengisian-pengisian yang bertujuan untuk pemerksaan wanita khususnya untuk wanita-wanita di PJ, dengan melibatkan agensi-agensinya kerajaan, badan bukan kerajaan NGO, badan beruniform, jabatan-jabatan MBPJ sendiri, dan turut menampilkan figura-figura terpilih yang berjaya dalam bidang masing-masing. Perkongsian dan pengisian sebegini penting untuk meraikan penglibatan semua wanita dalam peringkat bandaraya PJ, supaya mereka tahu, tidak kira siapa mereka, apa yang mereka lakukan, samada bekerja atau berkhidmat sebagai suri rumah sepenuh masa, wanita tidak merasa ketinggalan dan dapat seiring sejalan ke arah Malaysia baharu yang lebih baik untuk semua. Justeru, saya juga memohon pertimbangan supaya cadangan ini dapat dilihat dengan lebih mendalam supaya kita dapat membawa kelainan dalam meraikan hari wanita pada tahun 2019 ini. Kerana beliau percaya, penghormatan dan penghargaan kepada wanita hanya dapat dicapai sekiranya wanita sendiri menghormati dan menghargai diri mereka sendiri dan dengan itu, agenda pemerksaan wanita hendaklah diteruskan.

Secara kesimpulannya, sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, beliau percaya setiap dari kita faham dan maklum mengenai tanggungjawab masing-masing. Dalam skop kerja memberi perkhidmatan kepada orang awam ini, ada masa kita mendapat pujian ada masa kita mendapat kejian. Tetapi beliau percaya bahawa `room for improvement` ini terpakai kepada semua orang dan semua pihak, termasuk diri beliau sendiri. Beliau berharap teguran atau peringatan daripada penduduk dan rakan-rakan sekerja dianggap sebagai usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan perkhidmatan kita kepada orang awam. Beliau percaya, tujuan dan matlamat kita semua adalah sama, ke arah PJ yang lebih baik, selesa dan selamat untuk semua.

**SULIT**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.49 tengahari. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, dan semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada hari ini.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 31 Januari 2019

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain,  
D.S.I.S., A.M.N., A.M.S.,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumararan a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.

14. Encik Anwar bin Nekhan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Chan Pak Keung,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Y.M. Puan Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Leong Chee Cheng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Thayalan a/l Krishnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Pua Ghin Chu,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Rahibah binti Che Omar,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Encik Loyis Anak Uding, (dengan maaf)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. TPr. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Farizan Atifah binti Muner,  
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Ar. Hjh. Siti Azurah binti Mohd. Ghazali, P.P.T.,  
Wakil Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Tuan Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.



**SULIT**

13. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,  
Pengarah, Unit Audit Dalam Dan Integriti, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak).  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
20. Puan Ruzaida binti Tormodi,  
Pegawai Undang-Undang , Unit Perundangan, MBPJ.

**TURUT HADIR:**

01. YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri  
ADUN Tman Medan
02. Encik Kiran Chia Zhe Yen  
Wakil ADUN Bukit Gasing



**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Cik Nur Zaidah binti Abd. Kadir,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.